

**From:** Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS  
**Sent:** Monday, 12 June, 2017 1:11 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Dr. Massudi bin Mahmuddin  
**Subject:** MAJLIS TAUTAN KASIH DAN IFTAR JAMA'IE BERSAMA PELAJAR MOBILITI A162 UUM CAS



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI  
Student Development & Alumni Office  
College of Arts and Sciences  
**Universiti Utara Malaysia**

12 JUN 2017  
16 RAMADHAN 1438H

=====

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"**  
**(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلامة عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS TAUTAN KASIH DAN IFTAR JAMA'IE BERSAMA PELAJAR MOBILITI A162 UUM CAS**



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, PPA CAS telah menganjurkan Majlis Tautan Kasih dan Iftar Jama'ie (Berbuka Puasa) bersama pelajar-pelajar mobiliti UUM CAS pada 7 Jun 2017. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan antara pelajar dari pelbagai kaum, budaya dan negara di samping mengimarahkan ibadah berbuka puasa bersama staf-staf PPA CAS.

Program ini telah dihadiri oleh para pelajar mobiliti dari negara China, Brunei, Jepun dan Indonesia. Turut hadir semasa majlis berbuka puasa ini adalah Dekan, Timbalan Dekan, Penyelaras Praktikum dan staf-staf PPA CAS. Majlis yang diadakan secara *'port-luck'* ini, semua makanan dibawa oleh setiap staf PPA CAS dan dihidangkan secara bergotong royong bersama para pelajar. Majlis ini dapat mengeratkan ukhuwah antara para pelajar dan juga staf-staf PPA CAS UUM.

Sebelum mereka berbuka puasa dan menikmati juadah berbuka, mereka terlebih dahulu mendengar taklimat dari Dekan PPA CAS. Dekan PPA CAS sangat berbesar hati menerima kehadiran semua pelajar ini. Beliau berharap para pelajar ini dapat memperoleh pengalaman baharu ketika menjalani kuliah selama satu semester di UUM dan dapat mempraktikkan apa yang mereka belajar di sini semasa pulang ke negara masing-masing kelak.

Menurut salah seorang pelajar mobiliti iaitu Cao Jie dari Sichuan University, China, beliau sangat gembira dapat menyertai majlis ini bersama-sama rakan-rakan pelbagai bangsa, dan mengatakan juadah ini walaupun sedikit pedas, namun sangat enak dan ini merupakan kali pertama beliau menyertai program berbuka puasa seperti ini, manakala Adrian William dan Achmad Rifki dari Universitas Bina Nusantara, (BINUS) Indonesia yang menjalani kuliah selama satu semester di UUM, mengatakan, sepanjang mereka berada di sini, mereka telah memperoleh banyak pengalaman yang berharga terutama sekali menikmati kehijauan alam di UUM. Malam itu merupakan malam terakhir mereka di UUM dan akan pulang ke Indonesia pada keesokan harinya. Mereka berharap untuk kembali lagi ke Malaysia dan UUM selepas ini.

Sekian dan harap maklum.

=====  
Students Development & Alumni Office  
UUM College of Arts & Sciences  
Tel: 049285307 | Faks: 049285310  
Email:cas-sadc@uum.edu.my  
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.